

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



## **SEKOLAH DALAM HOSPITAL: PENDIDIKAN BERTERUSAN TANPA BATASAN**

*Ditulis oleh : Nor Syamaliah Ngah, Norazlin  
Abd Aziz*

Sekolah Dalam Hospital (SDH) merupakan satu inisiatif kolaborasi antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha mengelak keciran pelajaran bagi pelajar yang tidak sihat dan menerima rawatan dalam tempoh yang lama di hospital. Walaupun kanak-kanak sedang menerima rawatan intensif, hak untuk mendapatkan pendidikan tetap menjadi keutamaan bagi kanak-kanak yang sedang berjuang melawan penyakit atau menghadapi kecederaan yang serius. Sekolah dalam hospital memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa pendidikan tidak terganggu meskipun mereka sedang menjalani rawatan.

Pada masa ini, terdapat 15 buah SDH di seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. SDH menggunakan sukanan pelajaran sekolah awam Malaysia. Mata pelajaran utama yang diajar ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam. Objektif inisiatif ini adalah untuk memastikan pembelajaran berterusan kanak-kanak ketika berada di wad, selaras

dengan matlamat “Pendidikan Untuk Semua”. Pembelajaran tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan sehari-hari kanak-kanak, malah pembelajaran mestilah berdasarkan keperluan dan minat kanak-kanak. Hal ini seiring dengan pelaksanaan program SDH yang mana memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk menimba ilmu pengetahuan secara berterusan walaupun berhadapan dengan masalah kesihatan. Proses pengajaran dan pembelajaran SDH diubahsuai supaya bersesuaian dengan keadaan kanak-kanak tersebut di samping memenuhi keperluan mereka sebagai pelajar.

Pembelajaran di SDH berkonsepkan kepada fleksibel, didik hibur, dan guru yang dilantik akan menjadi pemudahcara bagi membantu pelajar mengikuti kurikulum mengikut tahap kanak-kanak tersebut. Pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan di SDH ini adalah berbeza daripada sekolah biasa. Ini kerana, memandangkan keadaan kesihatan kanak-kanak yang tidak menentu, pembelajaran di SDH adalah secara santai dan menyeronokkan. Persekuturan pembelajaran ditekankan bagi memberi ketenangan, keselesaan dan penuh warna-warni bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Di samping itu, suasana yang sebeginu juga merupakan satu terapi semula jadi kepada pelajar dan kanak-kanak di hospital. Dengan cara ini, pembangunan modal insan dapat diteruskan di luar batasan

proses pendidikan tradisional. Selain pelaksanaan SDH ini dapat mengurangkan kebimbangan pelajar tentang ketinggalan dalam pelajaran, inisiatif ini juga dapat membantu dalam proses penyembuhan.

Pendidikan di SDH menawarkan pengalaman pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan dan kesediaan pelajar. Fasiliti ini disesuaikan dengan jadual rawatan, keadaan kesihatan, dan keperluan pendidikan individu. Tidak sekadar itu, SDH juga menjadi pusat keceriaan, di mana kanak-kanak dapat mengekspresikan diri, bersosial dengan pelajar-pelajar lain, dan merasakan kegembiraan belajar meskipun dalam situasi kesihatan yang terganggu. Ini adalah ruang yang memberikan harapan, membangun impian, dan memperkuat keyakinan bahawa keadaan kesihatan mereka tidak menghalang potensi mereka untuk maju ke hadapan. Dasar pelaksanaan SDH dianggap sebagai terapi kepada kanak-kanak untuk melupakan seketika penyakit yang dihadapi. SDH adalah sebahagian daripada proses rawatan kanak-kanak menerusi proses rawatan yang tidak bersifat farmaseutikal, sebaliknya menggunakan kaedah psikologi. Selain tertekan dengan rawatan penyakit yang diterima di hospital, kanak-kanak dapat bermain dan belajar dengan kaedah yang menyeronokkan di SDH.

Selain implikasi kepada pesakit kanak-kanak yang menerima pembelajaran di SDH, implikasi positif juga dapat dilihat daripada ibu bapa pesakit. Pelaksanaan SDH ini sedikit sebanyak dapat melegakan tekanan emosi ibu bapa apabila dapat melihat anak mereka meneruskan pembelajaran walaupun tidak hadir ke sekolah. Kewujudan SDH mampu menghilangkan rasa bimbang para ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak mereka apabila menerima rawatan di hospital. Kebimbangan ini akan lebih dirasai sekiranya anak-anak mereka perlu menduduki peperiksaan awam pada tahun berkenaan. Pelaksanaan SDH sekurang-kurangnya mengelakkan anak-anak mereka daripada ketinggalan dalam pelajaran dan seterusnya membantu dalam mengulangkaji pelajaran untuk peperiksaan yang bakal dihadapi. SDH juga dapat membangkitkan semangat anak-anak untuk terus belajar tanpa perlu memikirkan keadaan kesihatan yang tidak stabil. Seterusnya, oleh kerana pembelajaran SDH ini berbeza dengan sekolah biasa, guru perlu lebih kreatif dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran di kelas mahupun di wad. Dalam bidang pendidikan, terdapat pelbagai kemahiran dan pendekatan yang boleh disesuaikan mengikut kemampuan pelajar. Dengan mengambil kira faktor kesihatan dan emosi murid-murid di SDH, mereka memerlukan perhatian dan bimbingan yang lebih daripada guru. Jadi, tugas seorang

guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mereka boleh menggunakan kemahiran yang mereka ada untuk sentiasa memotivasi kan para murid ini supaya mereka lebih terus bersemangat untuk meneruskan kehidupan.

SDH adalah lebih dari sekadar ruang kelas. Ini adalah tempat di mana kekuatan pendidikan, kegigihan dan kesihatan bersatu. SDH membantu kanak-kanak untuk lebih kuat dan positif dalam mengharungi masa depan dengan pelbagai dugaan yang dihadapi. Dengan dukungan daripada guru, tenaga kerja hospital, dan keluarga, kanak-kanak ini memperlihatkan ketekunan yang luar biasa dalam mengejar mimpi-mimpi mereka, meski sedang bergelut melawan penyakit. Ketika kita merayakan keberhasilan para pelajar di sekolah, kita juga merayakan semangat mereka yang tak tergoyahkan. SDH adalah cermin kepada keberanian, ketahanan, dan keinginan untuk terus belajar meskipun berada dalam situasi yang paling sukar. Sewajarnya, masyarakat perlu sedar betapa pentingnya peranan SDH untuk mendukung pendidikan kanak-kanak yang sedang menghadapi tantangan kesihatan bagi mengurangkan masalah kecinciran di samping mengurangkan kebimbangan kanak-kanak serta ibu bapa.



Gambar 1: Pelajar sedang menceriakan sekitar kawasan sekolah dalam hospital



Gambar 2: Pelajar sedang menampal bahan bacaan dalam bilik darjah.



Gambar 3: Hasil keceriaan yang dilakukan pelajar